

Peguam diraja UK, Laidlaw miliki pengalaman luas kendali kes Najib

Sinar Harian - 2/6/2022 m/s: 13

KUALA LUMPUR - Jonathan Laidlaw, seorang Peguam Diraja (QC) dari United Kingdom yang berhasrat mewakili Datuk Seri Najib Tun Razak dalam rayuan bekas Perdana Menteri itu berhubung kes rasuah RM42 juta SRC International Sdn Bhd, mempunyai kelayakan khas dan pengalaman sedia ada yang tidak dimiliki dalam kalangan peguambela dan peguam cara di Malaysia, menurut pasukan pembelaan Najib.

Peguam utama Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dalam affidavit menyokong permohonan Laidlaw mewakili perayu dalam rayuan terakhirnya di Mahkamah Persekutuan pada Ogos

berkata, Laidlaw yang terlibat dalam 109 kes yang dilaporkan di Mahkamah Bahagian, Mahkamah Rayuan dan House of Lords (kini Mahkamah Agung), mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam pelbagai kes rasuah di UK dan dalam bidang kuasa luar negara.

“Sebagai contoh, beliau mewakili dua ahli House of Lords dan seorang ahli Dewan Rakyat yang terlibat dalam skandal ‘bayaran untuk anugerah’ yang melibatkan dakwaan berhubung kaitan antara pinjaman kepada parti politik UK dan pemberian gelaran seumur hidup (menerusi perwakilan, tiada seorang pun berhadapan dengan pertuduhan dan oleh

itu ia tidak dapat dikenal pasti).

“Beliau pernah terlibat dalam pendakwaan berkaitan siasatan terbesar terhadap kes rasuah dalam perkhidmatan Polis Metropolitan, yang membawa kepada sabitan dua pegawai (Garner dan McGuinness) yang kemudiannya beralih memberikan bukti bagi mendakwa beberapa bekas rakan sekerja mereka,” katanya.

Muhammad Shafee juga meminta mahkamah mempertimbangkan bahawa



MUHAMMAD SHAFEE

kepakaran pemohon yang tidak diragui, istimewa dan khusus akan memberi manfaat kepada bukan sahaja pemohon tetapi juga sistem keadilan jenayah Malaysia secara keseluruhan.

Pada 25 Januari lepas, firma guaman Tetuan Shafee & Co menyerahkan surat kepada Sekretariat Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat mengenai hasrat

Najib melantik QC untuk membantu beliau berhubung persoalan undang-undang dalam rayuan kes SRC. - *Bernama*